

SISTEM VOKAL DIALEK MELAYU KABONG, SARAWAK

(Vowels System in Malay Dialect of Kabong, Sarawak)

Salbia Hassan

salbiahassan@gmail.com

Fakulti Bahasa dan Linguistik,
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel.: +603-0198381143.

Abstrak

Makalah ini membincangkan sistem vokal Dialek Melayu Kabong (DMKb), iaitu salah satu daripada dialek Melayu yang dituturkan di Sarawak. Kabong merupakan sebuah daerah kecil yang terletak di Bahagian Betong, Sarawak. DMKb dituturkan oleh masyarakat Melayu di Kabong yang boleh dianggap sebagai bahasa komunikasi kawasan ini kerana peranannya yang dominan dalam masyarakat setempat. Selain masyarakat Melayu, Kabong juga didiami oleh kaum Iban dan Cina sebagai minoriti di sini. Kajian ini mengenal pasti fonem, alofon, diftong, distribusi fonem vokal dan pasangan minimum DMKB. DMKb akan dihuraikan secara linguistik deskriptif yang dikembangkan oleh Bloomfield dan diteruskan oleh Mario Pei dan Robins. Selain itu, model deskriptif Asmah juga digunakan untuk menganalisis sistem vokal DMKb. Data kajian ini diperolehi secara kajian lapangan hulu yang menggunakan kaedah senarai kata, domain dan asosiasi idea. Analisis secara deskriptif berjaya menentukan lapan bunyi vokal [a], [e], [ɔ], [ɛ], [i], [o], [ɔ] dan [u] berstatus fonem yang tersendiri yang seterusnya menunjukkan fonem vokal dalam DMKb melebihi fonem vokal dalam bahasa Melayu standard (BMS).

Kata kunci: deskriptif, fonem, vokal, domain, senarai kata, pasangan minimum

Abstract

This paper will discuss the vocal system of Kabong Malay dialect (DMKb), which is one of the Malay dialects spoken in Sarawak. Kabong is a small area located in Betong, Sarawak. DMKb is spoken by the Malay community in Kabong which can be regarded as a communication language in Kabong for its dominant role to the local community. Besides the Malay community, other races such as Iban and Chinese also live in this area as a minority. This study identifies the DMKb vowel system, phoneme, allophone, diphthongs, distribution vowel phonemes and minimal pairs. DMKb will be described using the descriptive linguistics developed by Bloomfield and developed by Mario Pei and Robins. The descriptive model by Asmah was also used to analyse the vocal tract of DMKb. Data for this research were obtained from the upstream field study using word lists (citations), domain and association of ideas. Descriptive analysis successfully determined that the eight vowels [a], [e], [ə], [ɛ], [i], [o], [ɔ] and [u] are of the status of distinctive phonemes which in turn indicates that the vowel phonemes in DMKb exceed the vowel phonemes in standard Malay language(BMS).

Keywords: descriptive, phonemes, vocal, domain, word list, minimal pairs

PENDAHULUAN

Berdasarkan penyebaran dalam geografi, sesuatu dialek itu boleh dibahagikan kepada beberapa subdialek yang ditempatkan di subkawasan tertentu. Walaupun pada hakikatnya terdapat ciri pembeza antara sesuatu dialek atau subdialek dalam sesuatu bahasa yang sama, namun penuturnya masih dapat saling memahami antara satu sama lain, yakni wujudnya *mutual intelligibility* (Robins, 1968:59). Berdasarkan Robins, dialek dibezakan daripada bahasa berdasarkan tiga kriteria yang utama dan satu daripadanya dinyatakan sebagai “*form of speech that are different but mutually intelligible without special training. Linguist tend to concentrate on the first criterion, mutual intelligibility, as relating to specifically linguistics facts...*”. (1968: 59).

Bahasa pula melahirkan dialek yang tertentu. Sesuatu dialek mempunyai bentuk yang tertentu dituturkan dalam kawasan tertentu, berbeza daripada bentuk yang standard, iaitu dari segi sebutan, tatabahasa

dan penggunaan kata tertentu. Walau bagaimanapun, perbezaan itu tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain (Mario Pei, 1960:59). Perbezaan yang terdapat dalam dialek disebabkan oleh beberapa faktor seperti geografi, sosial, sejarah, politik dan sebagainya. Oleh sebab itulah, sama ada di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, dialek tempatan yang adakalanya selari dengan pembahagian politik atau pentadbiran dan adakalanya tidak seperti dialek Perak, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Pahang dan sebagainya.

Asmah Haji Omar (2008a:137) menyatakan bahawa dialek dalam sesuatu bahasa itu mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain. Persamaan pada umumnya membayangkan warisan bersama, sedangkan perbezaan menggambarkan perkembangan yang berbeza-beza yang dilalui oleh dialek masing-masing. Di samping itu, persamaan boleh dihasilkan oleh gejala pengaruh-mempengaruhi antara dialek atau antara subdialek sesudah berpisah daripada bahasa induk atau dialek induk. Dalam hal ini, dapat dikatakan bahawa DMKb telah berpisah dengan dialek induknya, iaitu Dialek Melayu Kuching (DMK) dan lebih dekat hubungannya dengan Dialek Melayu Saribas (DMSbs). Maka, tumpuan makalah ini difokuskan terhadap deskripsi vokal DMKb yang merupakan salah satu subdialek Saribas.

KAWASAN KAJIAN DAN INFORMAN

Kajian lapangan hulu ini berpusat di Kampung Hulu Laut Kabong, iaitu sebuah perkampungan nelayan yang terletak di Daerah Kecil Kabong. Dari segi pentadbiran, Daerah Kecil Kabong terletak dalam kawasan pentadbiran Daerah Saratok¹ Bahagian Betong, Sarawak yang meliputi kawasan seluas 398.14 kilometer persegi (Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak). Untuk mentadbir dan menguruskan hal ehwal di daerah ini, sebuah Pejabat Daerah Kecil Kabong telah ditubuhkan berdekatan Pekan Kabong. Dalam perkembangan semasa, sebuah bangunan yang khusus disediakan untuk kedai minuman dan makanan serta pasar ikan yang telah siap dibina pada tahun 2014. Rajah 1 menunjukkan kedudukan Daerah Kecil Kabong.

Kepelbagaian kaum di Sarawak menyebabkan pelbagai bahasa dan dialek dituturkan di kawasan yang tertentu. Misalnya, di Bahagian Betong, majoriti penduduknya berbangsa Iban dan menuturkan bahasa Iban, manakala kaum Melayu menuturkan subdialek Melayu Betong.



Rajah 1 Kedudukan daerah kecil Kabong.

(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada www.bing.com/images.)

Dalam pada masa yang sama, wujud subdialek Melayu yang lain yang turut digunakan oleh masyarakat Melayu khususnya yang datang dari kawasan pesisir seperti Debak, Tuie, Pusa, Spaoh, Supa, Kalok dan Tambak. Kebanyakan penutur dari kampung Melayu ini menuturkan DMSbs. Situasi ini bertepatan dengan pernyataan Asmah (2008a:136), bahawa sesuatu bahasa atau dialek itu boleh mengalami pertembungan dengan bahasa atau dialek lain dari berbagai-bagai arah, baik dalam masa damai mahupun dalam masa perang. Hal ini bermakna bahawa tidak semua kawasan bahasa atau kawasan dialek itu mengalami perubahan yang sama akibat pertembungan ini. Perlu ditegaskan bahawa bahagian utara dan selatan Sarawak dibatasi oleh gunung, sungai dan paya. Kesemua faktor ini memungkinkan pembentukan kepelbagaian dialek (Chambers dan Trudgill, 1980).

Bagi Daerah Saratok pula, penutur bahasa Iban lebih tinggi secara keseluruhannya, namun bagi Daerah Cecil Kabong, etnik Melayu merupakan penutur yang tertinggi, iaitu berjumlah 9657 orang. Jumlah penduduk Daerah Saratok diperincikan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jumlah penduduk daerah Saratok berdasarkan etnik 2010.

ETNIK	Iban	Cina	Mela- yu	Bida- yuh	Mela- nu	Bumi- putera Lain	India	Lain- lain	Jum- lah
DAERAH									
SARATOK	23488	2748	17941	216	127	146	26	59	44751
Budu	3515	12	52	16	-	7	1	1	3604
Kabong	2170	205	9657	8	68	37	4	19	12168
Roban	5633	676	469	40	6	24	9	15	6862
Saratok	12170	1855	7763	152	53	78	12	24	22107

(*Sumber:* Dipetik dan disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak Banci Penduduk 2010)

Kutipan data dalam kajian lapangan hulu ini memerlukan informan untuk mendapatkan data kajian. Informan bertugas sebagai pemaklum bahan bahasa yang dikaji (Asmah, 2008a:46). Berdasarkan Samarin (1967:2), pengumpulan data berdasarkan kaedah ini sebaik-baiknya diadakan di lapangan dan mempunyai informan dengan ciri yang sesuai dengan kajian yang dilaksanakan (Asmah, 2008a:60). Informan yang baik, untuk mendapatkan maklumat yang tepat, merangkumi kesesuaian umur, keadaan organ pertuturan, penguasaan bahasa, jantina, kelas sosial, kedudukan dalam komuniti, pengetahuan tentang budaya komuniti, sikap terhadap penyelidikan, dan hubungan dengan ahli komuniti lainnya.

Dalam kajian ini, faktor umur dan pendidikan diambil sebagai pertimbangan. Golongan yang berumur dan kurang berpendidikan atau tiada pendidikan persekolahan dianggap dapat mengekalkan bentuk pertuturan asli mereka berbanding dengan golongan muda yang telah terdedah dengan sistem pendidikan yang lebih formal. Oleh itu, dalam kajian ini hanya golongan yang berusia 50 tahun ke atas dan mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah atau tidak pernah mengikuti persekolahan formal telah dipilih.

Hanya tiga orang informan perempuan terlibat dalam pemungutan data. Pemilihan ketiga-tiga informan perempuan ini kerana mereka mudah didekati dan dapat memberikan kerjasama. Mereka mematuhi segala kehendak pengkaji, lebih terbuka dan memberikan jawapan yang dikehendaki. Dalam dialek Melayu, informan perempuan dianggap lebih baik kerana mereka dapat mengekalkan bentuk yang asli dalam dialek

mereka (Ajid, 1977:25). Daripada pemerhatian, informan perempuan yang menuturkan DMKb mengekalkan sifat ini kerana mereka kurang terdedah kepada pengaruh luar. Informan yang dipilih merupakan suri rumah sepenuh masa atau bekerja sendiri.

VOKAL DALAM HURAIAN DESKRIPTIF

Bloomfield (1964:102) menyatakan bahawa “...*vowels are modifications of the voice-sound that involve no closure, friction, or contact of the tongue or lips*”. Bunyi vokal merupakan pengubahsuaian bunyi suara yang tidak melibatkan penutupan, geseran atau sentuhan lidah atau bibir. Konsonan pula merupakan bunyi yang keluar dan telah mengalami sekatan di dalam rongga mulut. Bunyi vokal ialah bunyi yang dihasilkan dengan tidak melibatkan sebarang sekatan pengaliran udara. Daniel Jones (1956:23) pula dalam bukunya *Outline of English Phonetics* mengatakan bahawa vokal ialah bunyi bersuara yang ketika menghasilkannya udara keluar terus-menerus dari paru-paru menerusi rongga mulut tanpa mengalami gangguan atau penyempitan yang boleh menimbulkan bunyi geseran.

Manusia mengujarkan pelbagai bunyi sama ada bunyi yang dituturkan untuk berkomunikasi ataupun untuk tujuan lain seperti melepaskan rasa marah, keluhan dan batuk. Oleh itu, bunyi ini boleh dikategorikan kepada dua, iaitu bunyi bahasa dan bunyi bukan bahasa. Bunyi bahasa ialah bunyi yang dilafazkan oleh manusia untuk berkomunikasi dan bunyi tersebut telah dipersetujui bersama oleh masyarakat yang menuturkan bunyi tersebut dan bermakna. Robins (1968:85) menjelaskan bahawa segmentasi bunyi pertuturan atau bunyi bahasa dikelompokkan kepada vokal dan konsonan. Bunyi ini dikenali juga sebagai bunyi segmental kerana dapat dikeluarkan secara satu persatu daripada arus bunyi, yakni daripada arus percakapan atau pertuturan (Asmah dan Rosline, 2012:11).

Berdasarkan Robins (1968:95), bunyi vokal adalah berbeza kerana dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu kedudukan lidah di dalam mulut dan bentuk bibir. Vokal ialah bunyi bersuara yang sewaktu menghasilkannya udara keluar terus-menerus dari paru-paru menerusi rongga mulut. Mario Pei (1965: 40) menyatakan bahawa bunyi vokal “...*are produced with a maximum of duration and sonority and minimum of constriction and friction*”. Bentuk bibir akan menentukan sama ada bunyi vokal tersebut sempit, separuh sempit, separuh luas dan luas manakala kedudukan lidah menentukan sesuatu vokal yang dihasilkan itu ialah vokal depan, vokal


tengah dan vokal belakang (Robins, 1968:96). Oleh sebab bunyi vokal dihasilkan secara bersuara, maka pita suara merupakan alat yang penting bagi menghasilkan bunyi vokal. Jika bibir dan lidah berada pada satu keadaan, rongga yang dilalui oleh udara yang bergetar akan menyebabkan terbitnya kelantangan yang mencirikan bunyi vokal dengan frekuensi yang tertentu.

Mengenal pasti sistem vokal sesuatu bahasa atau dialek memang penting dalam kajian linguistik. Asmah (2008a:171) menyenaraikan enam sistem vokal dalam BMS, iaitu [i], [e], [ɔ], [a], [o], [u]. Vokal ini boleh menempati lingkungan awal, tengah dan akhir kata. Bagi kata yang diawali vokal, kata tersebut akan disertai hentian glotis, misalnya bagi perkataan /apa/ dan /ada/ sebenarnya ialah /ʔapa/ dan /ʔada/. Kebanyakan dialek di Malaysia mempunyai sistem lapan vokal seperti dialek Kedah dan dialek Kelantan (Asmah, 2008a:55). Bahasa jenis Sarawak pula mempunyai perbendaharaan yang terdiri antara 17 hingga 21 konsonan dan mempunyai enam atau lapan vokal.

Bunyi Vokal Kardinal DMKb

BMS mempunyai sistem enam vokal yang terdiri daripada vokal kardinal primer (Asmah, 2008a:55). Berdasarkan kajian terhadap DMKb, penulis mendapati sistem vokal DMKb terdiri daripada sistem lapan vokal kardinal yang merupakan perkembangan daripada sistem enam vokal. Perkembangan itu berupa pemecahan fonemik yang berlaku pada e yang berpecah dua menjadi e dan ε dan o berpecah menjadi o dan ɔ (Asmah, 2008a). Untuk memudahkan gambaran kedudukan bunyi vokal DMKb, diagram vokal kardinal seperti dalam Rajah 2 digunakan. Diagram ini diperkenalkan oleh Daniel Jones (1956).

Dari segi kedudukan lidah, vokal DMKb dibahagikan kepada vokal hadapan sempit, vokal depan separuh sempit, vokal depan separuh luas dan vokal depan luas. Terdapat satu vokal tengah separuh luas, dan tiga bunyi vokal belakang, iaitu vokal belakang sempit, vokal belakang separuh sempit dan vokal belakang separuh luas. Secara ringkas, carta vokal DMKb diperlihatkan dalam Jadual 2.



Rajah 2 Vokal kardinal DMKb.

(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada Daniel Jones, 1956)

Jadual 2 Carta vokal dialek Melayu Kabong.

Vokal	Depan	Tengah	Belakang
Sempit	i		u
Separuh Sempit	e	ə	o
Separuh Luas	ε		ɔ
Luas	a		

DESKRIPSI BUNYI VOKAL DIALEK MELAYU KABONG

Vokal Depan

Kedudukan lidah yang mendatar dapat memberikan jenis vokal depan, tengah, dan belakang seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 Vokal kardinal. Vokal depan dihasilkan apabila bahagian depan lidah diangkat tetapi tidak menyentuh langit. Hal ini membolehkan udara keluar menerusi rongga mulut tanpa sebarang sekatan. Bunyi vokal depan DMKb diuraikan seperti yang berikut.

Vokal Depan Sempit [i]

Untuk menghasilkan bunyi [i], depan lidah hendaklah dinaikkan tinggi yang menyebabkan laluan udara menjadi sempit, namun tidak menyentuh langit keras. Hujung lidah berada rapat dengan gusi bawah dan bibir dalam keadaan hampar. Udara akan dilepaskan tanpa sekatan dan pita suara bergetar menghasilkan bunyi vokal [i]. Vokal [i] terdapat dalam perkataan yang berikut:

[isap]	=	hisap
[sapiy]	=	lembu
[dudi]	=	kemudian

Vokal Depan Separuh Sempit [e]

Dalam DMKb, vokal depan separuh sempit ialah vokal [e]. Bunyi ini dihasilkan dengan menurunkan bahagian hadapan lidah rendah sedikit daripada sewaktu menghasilkan bunyi [i], dan bibir dalam keadaan hampar. Lelangit lembut diangkat rapat ke belakang tekak dan menutup rongga hidung. Laluan udara yang dikeluarkan juga tidak tersekat dan arus udara dikeluarkan menerusi rongga mulut untuk menghasilkan vokal [e]. Contoh perkataan yang mempunyai vokal ini dalam DMKb seperti yang berikut:

[ekot]	=	ikut
[teko]	=	teko
[səyɛ]	=	serai

Vokal depan separuh luas [ɛ]

Vokal ini dihasilkan dengan menurunkan bahagian hadapan lidah agak rendah daripada kedudukan lidah semasa menghasilkan bunyi vokal [e]. Lelangit lembut yang diangkat rapat ke belakang tekak, menutup rongga hidung menyebabkan arus udara keluar menerusi rongga mulut dengan keadaan bibir dalam keadaan hampar. Antara perkataan yang mengandungi vokal [ɛ] adalah seperti yang berikut:

[ɛsen]	=	berlagak
[pələʔ]	=	pelik

[laŋeʔ]	=	lebah
[kəʋəpɛ]	=	beg plastik

Vokal Depan Luas [a]

Vokal depan luas [a] dihasilkan dengan menurunkan hadapan lidah di kedudukan yang paling rendah dalam mulut dengan bibir dihamparkan. Arus udara yang dikeluarkan terus keluar menerusi rongga mulut dan pita suara bergetar. Contoh perkataan yang ada vokal [a] seperti yang berikut:

[apo]	=	apa
[namo]	=	nama
[pasa]	=	pasar

Vokal Tengah [ə]

Untuk menghasilkan vokal tengah [ə], tengah lidah dinaikkan agak jauh dari langit keras dengan bibir dihamparkan. Udara dilepaskan melalui rongga mulut dan pita suara bergetar. Dalam DMKb, boleh dikatakan tidak wujud kehadiran vokal tengah [ə] pada posisi akhir kata kecuali bagi kata hubung [ke] yang dipinjam daripada bahasa Melayu standard. Jika dibandingkan dengan Dialek Melayu Simunjan yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Simunjan (daerah kecil yang terletak di antara Kuching dan Sri Aman) penggunaan vokal [ə] adalah secara tetap menggantikan vokal [a] pada posisi akhir kata seperti perkataan [apa-apə], [kerja-kəjə] dan [bila-bilə]. Bagi DMKb, vokal ini terdapat dalam contoh yang berikut:

[əmia]	=	gaul
[bəsa]	=	besar
[kə]	=	ke

Vokal Belakang Sempit [u]

Vokal belakang sempit [u] dihasilkan dengan menaikkan belakang lidah ke tahap tertinggi tetapi tidak menyentuh langit lembut dengan bibir yang dibundarkan. Arus udara terus dikeluarkan menerusi rongga mulut. Yang berikut merupakan contoh perkataan yang ada vokal [u].

[ula]	=	ular
[bukaʔ]	=	buka
[sapu]	=	sapu

Vokal Belakang Separuh Sempit [o]

Semasa menghasilkan vokal ini, belakang lidah diturunkan rendah sedikit daripada kedudukan lidah yang paling tinggi semasa menghasilkan bunyi [u]. Semasa menghasilkan bunyi [o], bibir dibundarkan dan udara dilepaskan tanpa sekatan menerusi rongga mulut. Misalnya, bunyi [o] dalam perkataan yang berikut:

[oloʔ]	=	olok
[cobo]	=	cuba
[pio]	=	begitu

Vokal belakang separuh luas [ɔ]

Vokal [ɔ] dihasilkan dengan menurunkan belakang lidah agak rendah daripada kedudukan lidah semasa menghasilkan bunyi [o] dengan bibir dibundarkan dan arus udara dilepaskan menerusi rongga mulut yang menggetarkan pita suara. Yang berikut contoh perkataan yang mengandungi vokal [ɔ].

[koyɔʔ]	=	koyok
[lijɔʔ]	=	berminyak
[ɔlah]	=	perangai

Bunyi Diftong

Menurut Asmah dan Rosline (2012:24), diftong berlaku apabila vokal penuh diikuti oleh geluncuran. Hal ini bermakna, diftong merupakan geluncuran dua bunyi vokal, iaitu dari satu bunyi vokal yang pertama menggeluncur ke bunyi vokal yang kedua. Dalam diftong, bunyi vokal pertama lebih lantang berbanding dengan bunyi vokal yang kedua yang mempunyai satu puncak kelantangan. BMS mempunyai tiga bunyi diftong,

iaitu [ai], [au], dan [oi]. Dalam kajian Madzhi (1989:20), DMK dikatakan mempunyai satu diftong turun, iaitu diftong [oj]. Dapatan ini sejajar dengan penerangan Asmah (2008a:217) yang mendapati hanya terdapat satu diftong [oj] dalam DMK. Menurut beliau, diftong [aw] dan [aj] yang terdapat dalam BMS mempunyai kesejajaran dengan [o] dan [e] dalam DMK. Hal ini bermakna diftong tersebut telah mengalami monoftongisasi dalam DMK. Misalnya, bagi perkataan yang berikut:

BMS (ejaan)

pulau
dangau
punai
pandai

DMK (transkripsi fonetik)

[pulo]
[daŋo]
[pune]
[pande]

Diftong turun [oj]

Bagi DMKb pula, kajian penulis mendapati DMKb menunjukkan persamaan dengan diftong yang terdapat dalam DMK seperti yang telah dijelaskan dalam kajian Asmah (2008a) dan Madzhi (1989). DMKb hanya mempunyai satu diftong turun [oj] manakala bunyi diftong [aw] dan [aj] turut mengalami monoftongisasi menjadi [o] dan [e]. Yang berikut merupakan contoh diftong [oj] dalam DMKb.

BMS (ejaan)

bodoh
dodol
bisul
cangkul

DMKb (transkripsi fonetik)

[paloj]
[dodoj]
[bisoj]
[tʃaŋkoj]

Diftong [aw] dan [aj] dalam BMS pula telah mengalami monoftongisasi dalam DMK dan DMKb. Hal yang sama turut berlaku dalam DMSbs seperti yang dijelaskan dalam kajian Rahani Hosin (2007:75). Kajian Rahani mendapati dalam varian Melayu Saribas, diftong [aj] di akhir kata mengalami proses monoftongisasi kepada [e] manakala diftong [aw] menjadi [ɔ]. Walau bagaimanapun, monoftongisasi tidak menyeluruh, misalnya bagi perkataan [ramai] disebut [ɣami]² kerana perkataan lain yang diakhiri [aj] akan menjadi [e]. Perhatikan contoh perkataan dalam DMKb yang mengalami monoftongisasi [aj] kepada [e] dan [aw] menjadi [ɔ] seperti yang berikut:

BM (ejaan)	DMSbs (transkripsi fonetik)
kedai	[kədə]
lambai	[lambe]
pulau	[pulə]
sungai	[sunɛ]
silau	[silə]
tupai	[tupe]

Diftong naik [jo]

Bunyi diftong mempunyai dua kemungkinan urutan vokal sama ada diftong turun dengan urutan V + geluncuran [aj], [uj], [aw], [oj], [ow] atau diftong naik dengan urutan V + geluncuran + V [ja], [ju], [uj], [jo], [wu], [wo]. Penelitian penulis terhadap DMKb mendapati dialek ini mempunyai satu diftong naik [jo]. Hal ini berbeza daripada diftong dalam BMS dan DMK yang diterangkan di atas. Yang berikut merupakan contoh diftong naik [jo] dalam DMKb.

BM (ejaan)	DMKb (transkripsi fonetik)
dahulu	[gjo]
begitu	[pjjo]
sana	[sjjo]
manusia	[ensjo]

Rangkap Bunyi

Terdapat dua jenis rangkap bunyi, iaitu rangkap vokal dan rangkap konsonan.³ Rangkap vokal ialah gabungan dua atau lebih vokal yang berbeza manakala rangkap konsonan ialah gabungan dua atau lebih konsonan yang berbeza. Secara khusus, dalam DMKb terdapat dua jenis rangkap bunyi.

(1) Rangkap vokal

Rangkap vokal dalam DMKb merupakan gabungan dua vokal yang berurutan yang tidak dipisahkan oleh kesenyapan atau oleh unsur lain sama ada hentian glotis, separuh vokal atau frikatif /h/. Rangkap vokal juga

boleh didefinisikan sebagai urutan dua atau lebih vokal yang hadir secara berturut-turut dalam satu perkataan dan mempunyai ciri akustik yang sama kuat (Asmah, 2006:3). Dalam Asmah dan Rosline (2012:24) juga menjelaskan rangkap vokal sebagai satu kesatuan untuk berfungsi sebagai puncak (*nucleus*) suku kata.⁴ Rangkap vokal dalam DMKb dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu rangkap vokal ke depan dan rangkap vokal ke belakang berdasarkan nilai fonetik vokal keduanya, sama ada terdiri daripada vokal depan atau vokal belakang⁵ (Asmah, 2006:53).

Dalam DMKb terdapat dua dan tiga urutan vokal dalam vokal rangkap. Vokal rangkap yang terdiri daripada urutan dua vokal terdiri daripada /ai/, /au/, /ui/, /ua/, /uo/, /ia/, /oa/, /oi/, /æ/, /io/, dan /io/. Vokal rangkap yang terdiri daripada urutan tiga vokal ialah /uai/, /iau/ /auo/ dan /oie/ yang ditemui dalam perkataan [juai] “jual”, [buai] “loya”, [tumpoie] “tumpul”, [lauok] “lauk” dan [miau] “kucing”. Namun demikian, jumlah perkataan yang terdiri daripada tiga urutan vokal ini agak terbatas. Yang berikut merupakan contoh bagi setiap rangkap vokal tersebut.

(i) Rangkap vokal ke depan

Terdapat enam rangkap vokal ke depan DMKb, iaitu /ai/, /ia/, /ua/, /oa/, /oi/, /æ/. Bagi rangkap vokal /ai/, /ia/, dan /æ/, vokal pertama dan keduanya merupakan vokal depan. Bagi rangkap vokal /oi/, dan /ua/, vokal pertama kedua-dua rangkap tersebut merupakan vokal belakang /o/ dan /u/ dan vokal kedua dalam rangkap tersebut merupakan vokal depan /i/ dan /a/. Yang berikut merupakan contoh perkataan bagi setiap rangkap vokal ke depan.

	/ai/	
[ajai]	=	ajal
[ayai]	=	khuatir/risau
[bahai]	=	parah
[təgai]	=	sebab/punca

	/ia/	
[biaʔ]	=	muda
[liat]	=	liat
[lia]	=	liar
[sia]	=	sapu

	/ɛa/	
[tʃea]	=	belanja makan
[beaʔ- beaʔ]	=	terpapar
[mpeaʔ]	=	cair

	/oi/	
[tʃaŋkoi]	=	cangkul
[paloi]	=	bodoh
[toyoi]	=	toyol
[tomboi]	=	tombol

	/oa/	
[koat]	=	kuat
[loa]	=	seluar
[soa]	=	sejenis mi

	/ua/	
[buaŋ]	=	buang
[kuat]	=	bergerak
[lua]	=	luar
[ŋkuaʔ]	=	burung ruak-ruak

(ii) Ciri distingtif rangkap vokal ke depan

$$/ai/ \longrightarrow /a/ \left\{ \begin{array}{l} +depan \\ +luas \\ -bundar \end{array} \right\} + /i/ \left\{ \begin{array}{l} +depan \\ +sempit \\ -bundar \end{array} \right\}$$

$$/ia/ \longrightarrow /i/ \left\{ \begin{array}{l} +depan \\ +sempit \\ -bundar \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +depan \\ +luas \\ -bundar \end{array} \right\}$$

$$/ɛa/ \longrightarrow /ɛ/ \left\{ \begin{array}{l} +depan \\ +separuh luas \\ -bundar \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +depan \\ +luas \\ -bundar \end{array} \right\}$$

$$/oi/ \longrightarrow /o/ \left\{ \begin{array}{l} -depan \\ +separuh sempit \\ +bundar \end{array} \right\} + /i/ \left\{ \begin{array}{l} +depan \\ +sempit \\ -bundar \end{array} \right\}$$

$$\begin{array}{l}
 /oa/ \longrightarrow /o/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ +\text{separuh sempit} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{sempit} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\} \\
 /ua/ \longrightarrow /u/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ +\text{sempit} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{sempit} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}
 \end{array}$$

(iii) Distribusi Rangkap vokal ke depan

Berdasarkan analisis terhadap rangkap vokal ke depan, didapati distribusinya boleh berlaku dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Contoh penggunaan rangkap vokal ke depan dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup ditunjukkan seperti Jadual 3.

(2) Rangkap vokal ke belakang

Terdapat enam rangkap vokal ke belakang dalam DMKb yang terdiri daripada rangkap vokal /iu/, /io/, /au/, /ao/, /uo/, /εə/. Bunyi kedua rangkap ini terdiri daripada bunyi vokal belakang /u/, /o/, dan /ɔ/, manakala kedua-dua /uo/ terdiri daripada vokal belakang. Ciri distingtif rangkap vokal ke belakang ini dapat dilihat dalam contoh yang berikut.

Jadual 3 Vokal dialek Melayu Kabong.

Rangkap Vokal ke Depan	Suku Kata Terbuka	Suku Kata Tertutup
/ua/	/lua/ “luar” /ɲua/ “tak duduk diam”	/tʃua/ “terpacak” /buat/ “angkat pakaian”
/ai/	/loa/ “seluar” /soa/ “sejenis mi”	/koat/ “kuat”
/ia/	/bahai/ “teruk” /aɣai/ “risau”	/bait/ “baik” /nait/ “naik”
/oi/	/lia/ liar /pasia/ “pasir”	/biaʔ/ “muda” /kiaʔ/ “mengipas”
/εa/	/boi/ “bola” /doŋoi/ “balung ayam”	
	/tʃεa/ “belanja”	/beaʔ-beaʔ/ “terpapar” /mpejaʔ/ “cair”

<i>/iu/</i>	→	<i>/i/</i>	{	+depan +sempit+ -bundar	}	+	<i>/u/</i>	{	-depan +sempit +bundar	}
<i>/io/</i>	→	<i>/i/</i>	{	+depan +sempit + -bundar	}	+	<i>/o/</i>	{	-depan +separuh sempit +bundar	}
<i>/au/</i>	→	<i>/a/</i>	{	+depan +luas -bundar	}	+	<i>/u/</i>	{	-depan +sempit +bundar	}
<i>/ao/</i>	→	<i>/a/</i>	{	+depan +luas -bundar	}	+	<i>/o/</i>	{	-depan +separuh sempit +bundar	}
<i>/uo/</i>	→	<i>/u/</i>	{	-depan +sempit +bundar	}	+	<i>/o/</i>	{	-depan +separuh sempit +bundar	}
<i>/ɛɔ/</i>	→	<i>/ɛ/</i>	{	+depan +separuh luas -bundar	}	+	<i>/ɔ/</i>	{	-depan +separuh luas +bundar	}

(i) Distribusi rangkap vokal ke belakang

Berdasarkan analisis terhadap data kajian, terdapat dua bentuk kewujudan rangkap vokal ke belakang, iaitu boleh hadir dalam suku kata terbuka dan boleh hadir dalam suku kata tertutup. Bagi suku kata tertutup penggunaannya amat terbatas. Distribusi rangkap vokal ke belakang bagi */iu/*, */io/*, */au/*, */ao/*, */uo/* dan */ɛɔ/* seperti dalam Jadual 4.

Berdasarkan kedua-dua bentuk rangkap vokal yang terdapat dalam DMKb, dapat dikatakan bahawa DMKb mempunyai vokal rangkap yang melebihi jumlah vokal rangkap yang terdapat dalam BMS dan DMK. Vokal rangkap yang terdapat dalam DMKb boleh hadir dalam suku kata terbuka dan dalam suku kata tertutup, namun terdapat juga rangkap vokal yang hanya boleh hadir dalam suku kata terbuka ataupun hanya boleh hadir dalam suku kata tertutup. Rangkap vokal */uo/* tidak hadir dalam suku kata tertutup, manakala rangkap vokal */ɛɔ/* tidak hadir dalam suku kata terbuka. Rangkap vokal dalam DMKb juga terdiri daripada dua urutan dan

Jadual 4 Penyebaran rangkap vokal ke belakang.

Rangkap Vokal ke Depan	Suku Kata Terbuka	Suku Kata Tertutup
/iu/	/tɔbiu/ “temuduga”	/bius/ “bius” /liut/ “kenyal”
/io/	/tio/ “minyak mengkabang” /dɔyio/ “radio”	/piot/ “nama orang” /tion/ “burung tiung”
/au/	/aŋpau/ “angpau” /pau/ “sejenis kuih”	/laut/ “laut” /kaut/ “ambil wuduk”
/ao/	/ɲao/ “nyawa” /bɔlao/ “sejenis ikan”	/baoʔ/ “belasah” /gaoʔ/ “jahat”
/uo/	/tuo/ “tua” /kətuo/ “ketua”	
/ɛɔ/	-	/lɛɔʔ/ “sejenis burung”

tiga urutan vokal. Namun, bentuk urutan tiga vokal adalah terbatas dan hanya terdapat dalam perkataan yang tertentu sahaja.

Fonem Vokal

Fonem merupakan satu konsep yang abstrak⁶ (Asmah, 2014) manakala fonemik merupakan ilmu yang mengkaji fonem. Bloomfield (1964:136) menyatakan fonem sebagai “...*the smallest units which make a difference in meaning*” manakala Asmah dan Rosline (2012:8) menjelaskan fonem merupakan unit bunyi terkecil yang berbeza daripada unit bunyi yang lain. Menurut Mario Pei (1965:13), “... *phoneme may thus defined as a group or variety or class of related sounds (pnone) which the speakers accept as a single unit, regardless of positional variants*”. Kajian fonem diperlukan untuk menentukan ejaan bagi sesuatu bahasa kerana satu lambang sahaja boleh mewakili semua variasi bunyi. Bahagian ini akan menerangkan dan menghuraikan fonem vokal dalam DMKb, distribusi fonem vokal dan analisis pasangan minimum untuk menentukan sesuatu vokal tersebut merupakan fonem yang berbeza dan boleh berdiri sendiri.

(1) Ciri-ciri umum fonem vokal DMKb

Terdapat lapan fonem vokal dalam DMKb yang terdiri daripada /i/, /e/, /ɛ/, /ɔ/, /a/, /ɔ/, /o/ dan /u/. Setiap fonem ini mempunyai ciri yang berikut dari segi penggunaannya dalam perkataan:

1. Didahului oleh hentian glotis pada awal kata.
2. Ciri tinggi rendahnya bergantung pada lingkungan; misalnya /i/ dalam suku kata terbuka lebih tinggi daripada /i/ dalam suku kata tertutup.
3. Jika didahului oleh konsonan nasal, maka bunyi vokal ini akan mengalami nasalisasi.

Sebagai penjelasan setiap ciri di atas, ciri (i) bagi vokal yang hadir pada awal kata akan didahului oleh hentian glotis /ʔ/. Dalam DMKb, ciri ini terdapat dalam contoh perkataan /ʔaŋat/, /ʔilanj/, /ʔubat/, /ʔokanj/ dan /ʔesen/. Hal ini bermakna, hentian glotis pasti hadir pada posisi awal setiap perkataan yang didahului vokal. Jadi, dalam transkripsi yang terlibat bagi contoh berkenaan, lambang /ʔ/ tidak dimasukkan.

Bagi ciri (ii), yang membezakan vokal tinggi daripada vokal rendah mewujudkan alofon, iaitu variasi yang saling menyisihkan (Asmah dan Rosline, 2012:10). Dalam hal ini, tidak mungkin fonem vokal tinggi akan hadir serentak dengan fonem vokal rendah dalam lingkungan yang sama, sebaliknya saling melengkapi atau mengisi kedudukan masing-masing dalam satu-satu suku kata tertentu yang juga bermaksud jika ada yang satu, tidak akan ada yang lain. Alofon yang terangkum dalam fonem yang sama atau tidak perlu dilihat dari segi kesamaan fonetik.⁷ Dalam DMKb, vokal tinggi tidak diberi lambang tambahan, tetapi bagi vokal rendah dimasukkan tanda seperti ekor di sebelahnya:

Vokal tinggi : [i], [u]

Vokal rendah : [ɪ], [ʊ]⁸

Penentuan fonem dalam sesuatu bahasa dapat dikesan menerusi kelainan dan distribusi dan pasangan minimum (*minimal pairs*).⁹ Melalui kaedah pasangan minimum, sesuatu fonem boleh dikenal pasti sekiranya dalam pasangan perkataan dalam sesuatu bahasa itu dapat membezakan makna, dan jika makna tidak berubah, maka kata tersebut merupakan

Jadual 5 Contoh fonem dengan vokal tinggi dan rendah dalam DMKb.

Fo nem Vokal	Transkripsi Fonetik	Transkripsi Fonemik dan Alofon
/i/: [i], [j]	[bini], [gigi], [pipi]	/bini/, /gigi/, /pipi/
/u/: [u], [ʊ]	[jambu], [ulu], [antu]	/jambu/, /ulu/, /antu/

alofon daripada fonem yang sama. Distribusi fonem bermaksud tempat hadirnya fonem dalam suku kata, sama ada di awal, tengah atau akhir suku kata atau kata (Asmah dan Rosline, 2012:29). Distribusi fonem vokal dalam DMKB dapat dijelaskan dalam empat situasi, iaitu:

1. Awal kata
2. Antara konsonan
3. Akhir kata (sebelum kesenyapan)
4. Sebelum konsonan akhir

Fonem yang boleh hadir pada semua posisi tersebut dikenali sebagai mempunyai beban tugas yang penuh manakala fonem vokal yang tidak boleh menempati kesemua posisi tersebut memiliki beban tugas yang kurang. Untuk melihat beban tugas dan distribusi fonem vokal dalam DMKB, dapat dilihat dalam huraian yang berikut.

(i) Fonem Vokal /i/

Terdapat tiga alofon untuk fonem vokal /i/, iaitu [i], [i̠], [j]. Fonem vokal /i/ mempunyai beban tugas yang penuh kerana boleh menempati kesemua posisi kata dan suku kata yang diperlihatkan menerusi contoh yang berikut:

Awal kata : /ilaŋ/, /iŋat/, /isap/

Antara konsonan : /biljit/, /dikit/, fimpai?/

Akhir kata : /bəlji/, /talji/, /dudi/

Sebelum konsonan akhir kata: /guliŋ/, /bəyi/, /kaŋi?/

(ii) Fonem vokal /e/

Terdapat tiga alofon lingkungan untuk fonem vokal ini, iaitu /e/, /e̞/ dan /ẽ/. Fonem vokal /e/ banyak digunakan dalam DMKb yang menunjukkan bahawa beban tugas untuk fonem ini adalah menyeluruh. Dapat dikatakan juga bahawa kesemua /e/ yang hadir pada posisi akhir kata merupakan fonem vokal rendah /e̞/ setelah mengalami monoftongisasi daripada bunyi diftong /ai/. Yang berikut merupakan distribusi fonem /e/.

Awal kata : [eʏan], [ekot], [esen]
 Antara konsonan : [tebẽn], [pesẽn], [gelẽn]
 Akhir kata : [salẽ], [səʏẽ], [manẽ]

Sebelum konsonan akhir kata: [kapet], [somẽn], [kayeh]

(iii) Fonem vokal /ə/

Fonem vokal /ə/ juga disebut sebagai vokal tengah dan vokal pepet (*schwa*). Terdapat dua alofon lingkungannya, iaitu [ə] dan [ə̃]). Fonem vokal /ə/ tidak mempunyai beban tugas yang penuh kerana tidak boleh hadir dalam distribusi sebelum konsonan akhir kata. Walau bagaimanapun, banyak perkataan yang ada fonem vokal /ə/ pada awal kata dan hadir antara konsonan dalam suku kata pertama. Hanya terdapat satu perkataan dalam distribusi akhir kata bagi fonem vokal /ə/ yang mungkin pengaruh daripada BMS untuk kata hubung [kə]. Walau bagaimanapun, dalam salah satu dialek Melayu di Sarawak, iaitu subdialek Melayu Simunjan, fonem vokal /ə/ merupakan fonem vokal yang mempunyai distribusi yang menyeluruh kerana boleh menempati posisi akhir kata dalam perkataan /apə/, /adə/, /pə̃). Dalam DMK dan DMKb pula, bunyi akhir kata bagi perkataan tersebut masing-masingnya fonem vokal /a/ dan fonem vokal /o/. Yang berikut merupakan distribusi fonem /ə/ dalam DMKb.

Awal kata : [əŋkah], [əmpas], [əmp̃in]
 Antara konsonan : [kə̃mbāŋ], [lə̃mpah], [sə̃mpat], [də̃kat]
 Akhir kata : [kə]

Sebelum konsonan akhir kata:

(iv) Fonem vokal /ɛ/

Dalam dialek Melayu Kabong, vokal /ɛ/ bertaraf fonem kerana vokal ini boleh dibezakan dengan jelas dalam perkataan tertentu yang dihidirinya. Dalam BMS dan DMK¹⁰, fonem ini dikatakan alofon atau varisasi bebas kepada fonem vokal /ə/. Dalam bahasa Iban¹¹ juga, vokal /ɛ/ merupakan variasi bebas bagi fonem vokal /ə/. Dalam DMKb, terdapat dua alofon lingkungan bagi fonem ini, iaitu /ɛ/ dan /ẽ/. Boleh dikatakan beban tugas bagi fonem vokal ini agak menyeluruh dalam DMKb, namun penggunaannya agak terbatas seperti yang terdapat dalam distribusi berikut:

Awal kata : [ɛlaʔ], [ɛla], [ɛjo]

Antara konsonan : [bes̃ən], [peṽẽm], [tɛben]

Akhir kata : [ŋaɣɛ], [luɣɛ], [luɲɛ]

Sebelum konsonan akhir kata: [katɛʔ], [lepɛʔ], [lapɛʔ]

(v) Fonem vokal /a/

Dalam DMKb, fonem vokal /a/ merupakan fonem vokal yang mempunyai beban tugas penuh kerana distribusinya yang menyeluruh. Bagi kata dalam DMKb yang diakhiri fonem vokal /a/ merupakan kata yang diakhiri vokal /ɤ/ dalam DMKb dan BMS. Hal ini bermakna, dalam DMKb, berlaku penggantian fonem /ɤ/ dalam suku kata tertutup menjadi suku kata terbuka /a/. Terdapat enam alofon lingkungan dalam DMKb, iaitu [a], [a̠], [ã], [w], [i̠a], [h̠a]. Distribusi fonem vokal [a] ditunjukkan dalam contoh yang berikut:

Awal kata : [h̠abis], [adʒap], [al̠ah]

Antara konsonan : [bah̠ai], [si̠am], [takut], [sapu], [tu^wan], [bi̠aʔ], [pu^wan]

Akhir kata : [sab^ha], [kab^ha], [pasa], [kəlaka], [mãla]

Sebelum konsonan akhir kata: [talãŋ], [baɣãʔ], [paɣãm]

Fonem vokal /a/ juga boleh menjadi diftong /ai/ apabila /a/ diikuti oleh geluncuran. Distribusi fonem vokal /a/ dapat dilihat dalam contoh berikut:

/ai/ : [t^hana̠i], [ik̠ai], [sik̠ai], [mantʃai], [bək̠ai], [təg̠ai], [bah̠ai]

(vi) Fonem vokal /u/

Fonem vokal /u/ merupakan vokal belakang sempit. Dalam DMKb terdapat tiga alofon lingkungan, yaitu [u], [ũ] dan [ụ]. berdasarkan distribusinya dalam perkataan, maka boleh dikatakan bahawa fonem vokal /u/ memiliki beban tugas penuh. Yang berikut merupakan distribusi bagi fonem vokal /u/.

Awal kata	: [ubat], [umbut], [ump ^h an]
Antara konsonan	: [buntuʔ], [mũnjuʔ], [gũntin], [suyut]
Akhir kata	: [bayu], [ulu], [tumũ]
Sebelum konsonan akhir kata	: [ləput], [bayut], [lab ^h uʔ], [aŋũs]

(vii) Fonem vokal /o/

Dalam dialek Melayu Kabong, fonem vokal /o/ terletak dalam vokal belakang separuh sempit. Fonem vokal ini banyak digunakan dalam perkataan DMKb khususnya pada akhir perkataan dalam suku kata terbuka. Terdapat dua alofon lingkungan fonem /o/, iaitu [o] dan [õ]. Dari segi beban tugas, didapati vokal fonem [o] mempunyai beban tugas yang penuh, namun kehadiran fonem ini pada awal kata agak terbatas. Yang berikut merupakan distribusi fonem vokal /o/.

Awal kata	: [okaŋ], [oleh], [obɔ-obɔ], [oleah]
Antara konsonan	: [gõndzean], [gembõŋ], [sõmet], [lokeʔ]
Akhir kata	: [ləbo], [si ^l o], [bego], [apo]
Sebelum konsonan akhir kata:	[beloʔ], [bəlõʔ], [dʒɔloʔ], [mop], [tʃop]

Sama seperti fonem vokal /a/, fonem vokal /o/ dapat menghasilkan diftong /oi/ apabila fonem vokal ini diikuti oleh geluncuran. Yang berikut merupakan contoh diftong /oi/ dalam DMKb.

/oi/ : [p^haloi], [doŋoi], [mbakoi], [kodʒoi], [təkoi], [tʃaŋkoi]

(viii) Fonem vokal /ɔ/

Fonem vokal /ɔ/ merupakan fonem dalam DMKb yang mempunyai fungsinya yang tersendiri. Dalam tulisan Madzhi (1989:38), fonem ini dianggap sebagai kelainan bebas fonem /o/. Walau bagaimanapun, dalam DMKb fonem ini merupakan fonem vokal yang tersendiri kerana mempunyai tugas yang berbeza daripada fonem vokal /o/ dan boleh hadir bersama fonem vokal /o/ dalam perkataan tertentu. Terdapat dua alofon lingkungan bagi vokal fonem /ɔ/, iaitu /ɔ/ dan /ɔ̃/. Yang berikut merupakan distribusi fonem vokal /ɔ/.

Awal kata : [ʔŋkos], [ɔkot], [ɔ̃mo] , [ɔto]

Antara konsonan : [bɔ̃ndʒoi], [tɔ̃nʒoi], [dʒoŋɔ̃i],

Akhir kata : [kolɔ], [tolɔ], [b^halɔ]

Sebelum konsonan akhir kata: [talɔʔ], [bɔm], [tʃomɔ̃t], [kolɔt]

Selain itu, fonem /ɔ/ juga merupakan fonem yang tersendiri kerana boleh membezakan makna bagi pasangan minimum dalam perkataan yang berikut:

/katʃo/ = kaca /siŋɔ̃/ = singa /tʃinɔ̃/ = bangsa Cina

/katʃɔ/ = ganggu /siŋɔ̃/ = toleh /tʃinɔ̃/ = sejenis kuih tempatan Sarawak

Ciri ko-artikulasi Vokal dalam DMKb

Asmah (2014)¹² menyatakan ko-artikulasi merupakan gabungan serentak artikulasi primer dengan artikulasi sekunder. Artikulasi primer merupakan artikulasi vokal dan konsonan yang penuh, manakala artikulasi sekunder merupakan artikulasi yang menyertai artikulasi primer seperti nasalisasi, aspirasi dan labialisasi. Dalam DMK, terdapat tiga ciri ko-artikulasi pada bunyi vokal, iaitu nasalisasi, labialisasi dan palatalisasi. Berdasarkan kajian terhadap DMKb, penulis mendapati ciri ko-artikulasi bunyi vokal terdiri daripada nasalisasi, palatalisasi, aspirasi dan labialisasi. Yang berikut akan dijelaskan setiap proses ko-artikulasi berkenaan.

(1) Nasalisasi Vokal

Robins (1968: 98) menyatakan “... *all types of vowel sounds may be uttered with nasalization, that is with the soft palate lowered and with the air passing partly through the nasal cavity and nostril as well as through the mouth*”. Dalam BMS dan bahasa sekeluarga termasuklah DMKb, bunyi utama ialah bunyi vokal manakala bunyi konsonan nasal dalam BMS terdiri daripada [m], [n], [ɲ], [ŋ]. Nasalisasi vokal berlaku dalam DMKb apabila fonem vokal hadir sebelum dan selepas bunyi nasal [m], [n], [ɲ], [ŋ]. Hal ini bermakna, bunyi yang dinasalisasi merupakan bunyi bukan nasal (bunyi utama), iaitu bunyi vokal. Mana-mana vokal yang hadir sebelum dan selepas konsonan nasal akan mengalami nasalisasi vokal. Nasalisasi berlaku apabila velum tidak menutup dengan baik jalan udara ke rongga hidung yang menyebabkan udara dari paru-paru dapat keluar menerusi kedua-dua rongga mulut dan rongga hidung.

Dalam Dialek Melayu Kabong, nasalisasi vokal boleh berlaku dalam satu suku kata, dua suku kata, unsur vokal tiga rangkap dan dalam kata pinjaman. Kesemua vokal DMKb yang terdiri daripada /i/, /e/, /ɛ/, /a/, /ə/, /o/, /ɔ/, /u/ akan mengalami nasalisasi apabila hadir sebelum dan selepas konsonan nasal. Vokal yang mengalami nasalisasi akan ditanda/ ̃/. Yang berikut merupakan contoh nasalisasi vokal dalam DMKb.

	[ĩ]	
[ĩnte]	=	intai
[ĩŋɔ]	=	telinga
[dʒuɣĩn]	=	runcing

Dalam contoh di atas, vokal /i/ mengalami nasalisasi apabila hadir di hadapan fonem sengau /n/ dalam perkataan [ĩnte]. Dalam perkataan [ĩŋɔ], vokal /i/ yang hadir mendahului fonem nasal /ɲ/ juga mendapat nasalisasi. Dalam suku kata tertutup bagi perkataan /dʒuɣin/, vokal /i/ mendapat nasalisasi apabila hadir mendahului fonem /n/.

	[ẽ]	
[ẽŋa]	=	penyangkut baju (<i>hanger</i>)
[mẽnõ]	=	mengurus/ menjaga
[mãne]	=	jantan

Vokal /e/ mengalami nasalisasi dalam contoh perkataan di atas apabila vokal /e/ hadir mendahului fonem nasal /ŋ/ dalam perkataan [eŋa]. Konsonan nasal /m/ yang hadir mendahului vokal /e/ dalam perkataan /meno/ menyebabkan vokal /e/ mengalami nasalisasi. Dalam perkataan /mane/, vokal /e/ dalam suku kata terbuka turut mendapat nasalisasi daripada fonem /n/.

	[ɛ̃]	
[ɛ̃ntɛŋ]	=	jimat
[pəŋɛ̃m]	=	bingkai gambar (<i>frame</i>)
[cɛ̃mɛ̃]	=	mata sepet
[laŋɛ̃ʔ]	=	lebah
[baŋɛ̃ʔ]	=	hapak

Contoh perkataan di atas merupakan nasalisasi vokal bagi fonem /ɛ/. Vokal /ɛ/ mendapat nasalisasi daripada fonem nasal /n/, /m/, /ŋ/, /j/. Kehadiran fonem nasal sama ada mendahului ataupun mengikuti vokal /ɛ/ akan menjadikan vokal tersebut mendapat nasalisasi. Contoh perkataan dalam DMKb ini menunjukkan nasalisasi vokal /ɛ/ boleh berlaku dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup.

	[ã]	
[ãmpaʔ]	=	antah/hampas
[bɔnã]	=	benar
[baŋãʔ]	=	banyak
[baŋã]	=	bau air yang busuk

Empat data daripada DMKb ini menunjukkan berlakunya nasalisasi vokal bagi fonem /a/ apabila hadir mendahului atau mengikuti fonem nasal /m/, /n/, /ŋ/, /j/. Dalam perkataan /ampaʔ/, vokal /a/ mendapat nasalisasi daripada fonem nasal /m/ yang hadir selepas vokal /a/. Dalam suku kata terbuka /baŋa/ dan /bɔna/, vokal /a/ mendapat nasalisasi apabila hadir di akhir kata selepas fonem nasal /ŋ/ dan /n/.

	[ũ]	
[tumũ]	=	awal pagi/dinihari
[mũndʒuʔ]	=	penuh/meruap
[bɔlũm]	=	belum
[baŋũn]	=	bangun

Vokal /u/ mengalami nasalisasi apabila hadir mengikuti fonem nasal /m/, /n/, /ŋ/, /ɲ/. Dalam perkataan [tumu], vokal /u/ mengalami nasalisasi apabila hadir selepas fonem nasal /m/. Begitu juga dalam perkataan /munjuʔ/, nasalisasi berlaku apabila vokal /u/ hadir di antara fonem nasal /m/ dengan /n/.

	[ɔ̃]	
[ɔ̃mpas]	=	hempas
[ɔ̃ndʒut]	=	henjut/buaian
[mɔ̃lah]	=	membelah
[ɲɔ̃but]	=	sebut

Nasalisasi vokal /ə/ hanya berlaku dalam suku kata tertutup kerana vokal /ə/ hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata dalam DMKb. Vokal /e/ mendapat nasalisasi sama ada hadir sebelum atau selepas fonem nasal. Apabila hadir sebelum fonem nasal, vokal /ə/ perlu hadir pada awal perkataan seperti dalam kata [ɔ̃mpas] dan [ɔ̃nʒut].

	[ə̃]	
[linə̃]	=	semenjak
[lə̃mbaʔ]	=	lumba
[ə̃ŋkɔs]	=	duit belanja
[tuə̃]	=	hama
[dʒuə̃]	=	tengah ruang

Nasalisasi /o/ boleh berlaku dalam setiap posisi perkataan sama ada pada awal kata, antara konsonan dengan akhir kata apabila hadir sebelum atau selepas konsonan nasal. Vokal /o/ mendapat nasalisasi apabila konsonan nasal hadir sebelum atau selepasnya. Nasalisasi vokal /o/ ditunjukkan seperti dalam contoh perkataan di atas.

	[ɔ̃]	
[ɔ̃mbaʔ]	=	ombak
[lə̃pɔ̃]	=	tidak segar
[semə̃]	=	semua
[bõŋʔʔ]	=	bodoh

Contoh perkataan DMKb tersebut menunjukkan nasalisasi vokal /ə/ apabila hadir sebelum atau selepas konsonan nasal. Nasalisasi vokal /ə/ juga boleh berlaku dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup kerana vokal /ə/ boleh hadir pada semua posisi kata.

Berdasarkan contoh tersebut, didapati kelapan-lapan vokal dalam DMKb akan mengalami nasalisasi apabila hadir sebelum atau selepas konsonan nasal. Hanya vokal /ə/ tidak mengalami nasalisasi pada akhir kata kerana dalam DMKb vokal /ə/ tidak mempunyai beban tugas yang penuh kerana tidak hadir pada posisi akhir kata kecuali dalam kata hubung [kə] yang dipinjam daripada BMS.

(2) Labialisasi vokal

Labialisasi merupakan gejala ko-artikulasi yang berlaku apabila keadaan bibir dibundarkan semasa menyebut bunyi yang bukan bunyi labial (bibir/dua bibir). Dalam DMKb, bunyi labialisasi terdiri daripada konsonan /p/, /b/, /m/, /w/ dan fonem vokal /o/, /ɔ/ dan /u/. Biasanya bunyi vokal [i], [e], [a] akan mengalami labialisasi apabila hadir mendahului bunyi labialisasi yang dinyatakan. Yang berikut merupakan labialisasi dalam DMKb yang menggunakan lambang [w].

	[^w i]	
[du ^w it]	=	duit
[ku ^w it]	=	kuit
[su ^w is]	=	suiz
[ku ^w is]	=	kuiz
	[^w e]	
[ku ^w eh]	=	kuih
[ju ^w eh]	=	juih (menjuih)
[pu ^w eh]	=	nama tempat (Kem Pueh)
	[^w a]	
[mu ^w at]	=	muat
[bu ^w at]	=	angkat kain
[cu ^w at]	=	kayu penyokong/pemacak
[tu ^w ah]	=	tuah
[lu ^w as]	=	luas

(3) Palatalisasi

Palatalisasi juga berlaku dalam DMKb bagi proses ko-artikulasi. Palatalisasi ialah bunyi yang bukan palatalisasi [-palatal] akan mendapat

ciri palatalisasi [+palatal]. Dalam DMKb, bunyi palatalisasi berlaku apabila vokal [u], [o], [a], [ɔ] mengikuti bunyi vokal [i] yang ditandai dengan lambang [ʲ]. Yang berikut merupakan contoh ko-artikulasi bunyi palatalisasi dalam setiap vokal berkenaan.

	[ʲa]	
[sʲiam]	=	siam
[sʲiaŋ]	=	siang
[dʲiaŋ]	=	diang
[tʲiaŋ]	=	tiang
	[ʲu]	
[ɲʲua]	=	nyieur
[liʲua]	=	liur
[tiʲup]	=	tiup
[liʲut]	=	pekat
	[ʲo]	
[pʲio]	=	begitu
[tiʲo]	=	minyak daripada buah engkabang
[tiʲoŋ]	=	tiung
	[ʲɔ]	
[ʋədiʲɔ]	=	radio
[enseʲɔ]	=	dulu-dulu
[siʲɔ]	=	situ
[siʲɔi]	=	siul

(4) Aspirasi

Ciri ko-artikulasi yang seterusnya ialah aspirasi. Bunyi aspirasi ialah hembusan yang menyertai konsonan atau vokal secara lemah. Dalam DMKb, bunyi yang tergolong dalam konsonan aspirat ialah konsonan /h/. Aspirasi berlaku pada vokal yang bukan tergolong dalam konsonan aspirat apabila kata diawali vokal [a], [e], [i], [u]. Bunyi aspirasi menggunakan lambang [ʰ]. Apabila hadir dalam vokal /i/, aspirasi berlaku pada awal kata kerana dalam DMKb, bunyi /h/ dihilangkan pada awal kata. Yang berikut merupakan contoh aspirasi dalam DMKb:

	[^h i]	
[^h ilanj]	=	hilang
[^h iŋus]	=	hingus
[^h ilap]	=	silap
[^h isap]	=	hisap

	[^h a]	
[^h ajut]	=	hanyut
[^h ayij]	=	hari
[k ^h atʃaʔ]	=	kacak
[kəb ^h ai]	=	kebal

	[^h e]	
[yeb ^h e]	=	koyak
[ləb ^h eh]	=	lebih
[b ^h esen]	=	basin
[b ^h elon]	=	kapal terbang

	[^h u]	
[ba ^h u]	=	bahu
[ba ^j u]	=	baju
[lag ^h u]	=	lagu
[pad ^h u]	=	rupanya
[jamb ^h u]	=	jambu

Berdasarkan contoh tersebut, jelas menunjukkan bahawa dialek Melayu Kabong banyak mempunyai ko-artikulasi bunyi aspirasi [^h] pada bunyi vokal [a], [i], [e] dan [u]. Bagi vokal [u], aspirasi berlaku apabila vokal ini didahului oleh konsonan [j], [g], [d], [b], dan [p].

Penentuan Fonem Vokal melalui Pasangan Minimum

Berdasarkan huraian di atas, dapat ditentukan bahawa jumlah fonem vokal DMKb ialah lapan fonem yang terdiri daripada fonem vokal /a/, /e/, /ɛ/, /ə/, /i/, /o/, /ɔ/ dan /u/. Fonem juga dapat ditentukan berdasarkan kaedah pasangan minimum. Mario Pei (1965:50) menyatakan “*The test for phonemic individuality or identity is that of minimal pairs*”. Kaedah pasangan minimum digunakan untuk mengenal pasti kewujudan dua fonem yang berbeza sekiranya pasangan perkataan yang dibandingkan mempunyai perbezaan makna. Yang berikut merupakan kaedah pasangan

minimum fonem vokal dalam DMKb yang membuktikan bahawa setiap vokal tersebut merupakan fonem yang tersendiri.

/i/ dan /e/ ialah fonem yang berbeza yang boleh membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/tupi/	=	topi	tapi	=	tetapi
/tupe/	=	tupai	tape	=	tapai

/e/ dan /a/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/tʃome/	=	semai	/belo/	=	puas hati
/tʃoma/	=	cemar	/balo/	=	keluarga

/u/ dan /o/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/balu/	=	balu	/kayu/	=	kayu
/balo/	=	ahli keluarga	/kayo/	=	kaya

/o/ dan /a/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/mala/	=	selalu	/kala/	=	warna
/malo/	=	matang	/kalo/	=	kala jengking

/i/ dan /a/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/kilo/	=	kilo	/tiyis/	=	tiris
/kalo/	=	kala	/tayis/	=	dengan pisau

/a/ dan /ɛ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/payaʔ/	=	para	/mayaʔ/=	warna yang terang
/payɛʔ/	=	pari	/mayɛʔ/=	kelmarin

/ɛ/ dan /a/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/pɛlo/ =	kipas enjin	/mentoi/=	mentol
/palo/ =	ikan sejuk	/manto/=	terpantul

/a/ dan /ə/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/kaliʔ/ =	gali	/pati/ =	pati santan
/kəliʔ/ =	keli	/pəti/ =	peti

/i/ dan /ɔ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/giliʔ/ =	bergelek	/bilut/ =	tidak adil
/gɔliʔ/ =	geli	/bɔlut/ =	belut (ikan)

/ə/ dan /u/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/bəlat/ =	jaring udang	/təbuʔ/ =	cantas
/bulat/ =	bulat	/tubuʔ/ =	sambung

/ə/ dan /o/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/səlo/ =	perlahan	/kədʒo/ =	kerja
/solo/ =	seorang	/kodʒo/ =	niat

/i/ dan /u/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/basiʔ/ =	basi	/gayiʔ/ =	nampak
/basuʔ/ =	basuh	/gayuʔ/ =	garu

/i/ dan /ɛ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/pəyi/ =	percuma	/ayi/ =	hari
/pəyɛ/ =	berkecai	/ayɛ/ =	ratakan

/e/ dan /ɔ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/telan/	= sakit kerongkong	/gəlan/	= gelang
/tələn/	= telan	/gelən/	= sejenis gula nipah

/o/ dan /ɔ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/katʃo/	= kaca	/siŋo/	= singa
/katʃɔ/	= ganggu	/siŋɔ/	= toleh

/e/ dan /ɛ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan minimum yang berikut:

/kədə/	= kedai	/make/	= pakai
/kedɛ/	= tumit pecah	/make/	= tepat pada masanya

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan dalam makalah ini, dapat dikatakan bahawa sistem vokal dialek Melayu Kabong mempunyai persamaan dan perbezaan dengan DMK yang telah dikaji oleh Madzhi (1989). Namun demikian, terdapat perbezaan dari segi bilangan fonem vokal, iaitu DMKb mempunyai lapan fonem manakala DMK hanya enam fonem vokal. Ternyata dalam DMKb, dua daripada diftong telah mengalami monoftongisasi, iaitu diftong /aw/ dan /ai/ yang masing-masingnya menjadi bunyi /o/ dan /e/ manakala diftong /oi/ kekal. Perbezaan dari segi jumlah fonem ini telah dibuktikan menerusi pasangan minimum bagi setiap fonem dan melalui distribusi fonem. DMKb juga memperlihatkan fonem /ɛ/ dan /ɔ/ merupakan fonem yang tersendiri dan bukannya variasi daripada fonem /e/ dan /o/ seperti yang terdapat dalam DMK dan BMS. Memetik kata daripada R. Fowkes (Mario Pei, 1965: 50), "*The phonemes is the ideal toward which the speaker strives, the allophones is the performance he achieves*".

PENGHARGAAN

Rakaman ribuan terima kasih kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar atas bimbingan, komitmen dan input dalam menghasilkan makalah ini.

NOTA

- 1 Selain Kabong, tiga lagi daerah kecil dalam Daerah Saratok ialah Saratok (597.53 km persegi), Roban (394.17 km persegi) dan Budu (297.01 persegi).
- 2 Dalam kajian ini, Rahani Hosin (2007:76) mengatakan bahawa kemungkinan perkataan [yami] ialah kata pinjaman. Sepanjang pengetahuan penulis pula, kebanyakan dialek Melayu di Sarawak menggunakan perkataan [yami] bagi kata [ramai] dan tidak mungkin kata ini adalah pinjaman. Kemungkinan juga, kata [yami] tidak disebut [yame] untuk mengelakkan wujudnya persamaan dengan perkataan jerami padi dalam DMS. Perkara yang sama berlaku untuk kata [canai] “roti canai” dan [mancai] “nakal” dalam DMKb yang tidak disebut *[tʃane] dan *[mantʃe].
- 3 Makalah ini hanya membincangkan rangkap vokal.
- 4 Rangkap vokal berbeza daripada diftong dari segi kelantangan vokalnya. Rangkap vokal kelantangan vokalnya sama sedangkan kelantangan vokal dalam diftong adalah berbeza, iaitu salah satu vokal lebih lantang.
- 5 Sila rujuk Rajah 2 Vokal Kardinal DMKb pada halaman 85.
- 6 Penerangan dalam kuliah fonetik pada 7 November 2014 di Dewan Syarahan, Pusat Islam UNIMAS.
- 7 “Kesamaan fonetis” dimaksudkan sebagai kelompok sifat atau fitur yang hampir sama, sama ada dari segi akustik, artikulasi yang dimiliki bunyi tertentu dan alofon yang datang daripada fonem yang sama haruslah tidak berkontras. Sila rujuk Arbak (1983:72).
- 8 Transkripsi yang menunjukkan alofon atau variasi bebas akan menggunakan transkripsi fonetik, manakala transkripsi fonemik merangkumi semua alofon yang ada. Huraian lanjut sila rujuk Asmah (2012:28).
- 9 Mario Pei (1965: 50) menjelaskan “... *the test for phonemic individuality or identity is that of minimal pairs: in two words in all other respects identical, will the meaning change if one phone is substituted for the other? If so, we have two separate phonemes*”.
- 10 Lihat Madzhi Johari (1989:38).
- 11 Lihat Asmah dan Rosline (2012:30).
- 12 Definisi ini berdasarkan kuliah Fonetik yang disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar di Auditorium Pusat Pengajian Bahasa pada 6/11/2014.

RUJUKAN

- Ajid Che Kob, 1977. *Dialektologi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Arbak Othman, 1983. *Permulaan Ilmu Linguistik*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar (ed.), 2006. *Bahasa Mah Meri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar, 2008a. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008b. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai, 2012. *Fonologi Bahasa Iban*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bloomfield, L., 1964. *Language*. Delhi: Motilal Banarsidass.
- Chambers dan Trudgill, 1980. *Dialectology*. Cambridge: University Press.
- Daniel Jones, 1956. *Outline of English Phonetics*. Cambridge : W. Heffer & Sons Ltd.
- Madzhi Johari, 1988. *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mario Pei, 1960. *The Story of Language*. Signet.
- Mario Pei, 1965. *Invitation to Linguistics*. New York: Doubleday & Company, Inc.
- Noriah Mohamed, 1991. “*Penggunaan bahasa dalam komuniti Melayu-Iban di Betong, Sarawak: Satu Kajian Etnososiologi*”. Tesis Ph.D. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rahani Hosin, 2007. “*Varian Melayu di Lembangan Batang Saribas: Satu Penelitian Dialek Geografi*”. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Robins, R.H., 1968. *General Linguistics an Introductory Survey*. London: Longman.
- Samarin, W.J., 1967. *Field Linguistics: A Guide to Linguistic Field Work*. New York: Holt, Rinehart and Winston.